

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATIN MASTURA BINTI MOHD YAZID
[KUALA KANGSAR]**

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah persiapan atau langkah berjaga-jaga yang sedang dirangka oleh pihak Kementerian untuk mengatasi ancaman DARKWEB yang merupakan saluran kepada urusanniaga gelap dalam alam siber pada hari ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Untuk makluman, *Darkweb* adalah merupakan sebahagian dari Internet yang sering menjadi medium kepada pasaran gelap atas talian untuk aktiviti haram dan jenayah, termasuk penjualan maklumat dan barangan yang menyalahi undang-undang negara. *Darkweb* hanya boleh diakses menggunakan perisian, pelayar serta konfigurasi yang khusus dan ia bukanlah suatu bentuk serangan siber.

2. Pada ketika ini, Kerajaan melalui Agensi Keselamatan Siber Negara (NACSA) serta dengan kerjasama agensi-agensi penguatkuasa yang lain melaksanakan pemantauan terhadap aktiviti-aktiviti di dalam *Darkweb* terutama yang melibatkan kepentingan keselamatan negara. Walau bagaimanapun, penggunaan *Darkweb* adalah bersifat ketanpanamaan (*anonymity*) dan tanpa sempadan. Ini memberi cabaran kepada agensi penguatkuasa untuk membanteras kegiatan jenayah yang berlaku.

3. Dalam hubungan ini, kerjasama dan usahasama antara agensi-agensi dalam negara serta agensi penguatkuasa luar negara sentiasa ditambahbaik bagi meningkatkan keupayaan negara dalam berdepan dengan isu ini. Disamping itu, agensi-agensi kerajaan yang terlibat sentiasa melaksanakan usaha untuk meningkatkan keupayaan bagi menghadapi situasi ini.

Sekian, terima kasih.